

Apa itu glomerulonephritis?



Glomerulonephritis merupakan sejenis penyakit peradangan ginjal yang melibatkan glomeruli (sekumpul saluran darah kapilari yang berfungsi sebagai penapisan darah bagi mengasingkan air dan sisa kotoran ke dalam kencing). Apabila glomeruli didalam ginjal menjadi radang dan rosak, tubuh pesakit mungkin tidak berupaya menjalankan fungsi pembersihan darah seperti biasa, akibatnya pengumpulan toksin serta air yang berlebihan. Lama kelamaan, keadaan ini boleh mengakibatkan kemerosotan dan kegagalan ginjal yang kekal.

Bagaimana terjadinya glomerulonephritis?

Terdapat pelbagai jenis glomerulonephritis. Keadaan ini boleh berlaku disebabkan gangguan pada sistem kekebalan tubuh (penyakit auto-immune) atau tindak balas yang berlebihan terhadap faktor pencetus yang tidak diketahui seperti jangkitan virus. Sejurus keadaan ini tercetus, sel sel tubuh badan pesakit menjadi sasaran sistem imun. Bagi glomerulonephritis, sel sel ginjal menjadi sasaran sehingga terjadinya keradangan dan kerosakan akibat serangan tersebut.

JABATAN PERUBATAN GINJAL

Kesemua yang anda perlu tahu mengenai Glomerulonephritis



Program Glomerulonephritis

Jabatan Perubatan Ginjal
Hospital Besar Singapura
Outram Road Singapore 169608

<http://www.sgh.com.sg/appointment>
Pelantikan hotline: (65) 6321 4377

Reg No: 198703907Z
Maklumat betul sehingga Julai 2015

PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®



Siapakah yang terjejas?


Ia boleh berlaku dikalangan kanak-kanak. Ia juga boleh menjejaskan kaum lelaki dan wanita, secara umumnya wanita lebih berkemungkinan menghadapi penyakit ini.

Apakah tanda dan gejalanya?

Glomerulonephritis tidak menimbulkan kesan atau gejala pada awalnya. Ia mungkin dikesan semasa pemeriksaan kesihatan rutin dijalankan dimana terdapat kesan darah atau protin didalam air kencing. Sesetengah jenis glomerulonephritis boleh hadir dengan aktiviti penyakit di bahagian-bahagian badan yang lain sebagai sebahagian daripada sistem multi-penyakit autoimun, contohnya, ruam kulit atau keradangan sendi di sistem lupus erythematosus (SLE).

Seseorang itu boleh memaparkan gejala akut seperti:

- Sakit kepala, rasa mual, muntah, demam, rasa seram sejuk
- Bengkak pada muka, tangan dan kaki
- Air kencing berbuuh, air kencing berwarna kelabu atau gelap
- Umlah air kencing yang kurang
- Tekanan darah tinggi



Bagaimana glomerulonephritis dikenal pasti?

Pemeriksaan contoh darah untuk memastikan keadaan fungsi ginjal, sama adanya auto-anbodi dan kondisikondisi lain yang berkaitan seperti jangkitan virus.

Pemeriksaan contoh air kencing untuk mengesahkan adanya darah dan protin didalam air kencing.

Mengumpul air kencing sepanjang 24 jam untuk mengukur tahap kebocoran protin kedalam air kencing.

Biopsi ginjal – Ujian yang dijalankan diwad melibatkan pengambilan tisu kecil dari ginjal dengan menggunakan anestesia tempatan dan jarum biopsi berpanduan ultrasound untuk pengajian dibawah mikroskop. Ada beberapa glomerulonephritis tertentu yang dikaitkan dengan kodisi maligma seperti penyerapan pada tulang sumsum dan ketumbuhan organ pejal. Oleh itu, pesakit mungkin dinasihatkan menjalani pemeriksaan lanjut seperti imbasan tomografi berkomputer, endoskopi atau pemeriksaan tulang sumsum untuk memastikan wujudnya keadaan tersebut.

Apakah rawatan untuk glomerulonephritis?

Glomerulonephritis tidak menimbulkan kesan atau gejala pada awalnya.

RAWATAN AKUT

Immunosuppression – ubat-ubatan yang digunakan untuk mengubah reaksi sistem kekebalan tubuh untuk mengurangkan kerosakan pada sel-sel ginjal. Ubat-ubatan ini sering dikaitkan dengan kesan sampingan, dan pilihan agen yang biasanya bergantung kepada jenis glomerulonephritis, tahap penyakit serta keadaan tubuh.

Terapi pengantian ginjal secara dialisis perlu dilakukan jika kerosakan ginjal terjejas teruk. Dialisis biasanya dijalankan berterusan sehingga tubuh badan pesakit bertindak balas terhadap rawatan ini dan kembali berfungsi seperti biasa. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan rawatan dialisis dalam jangka panjang jika ginjal pesakit tidak memberi kesan pemulihan.

RAWATAN UMUM

Pengawalan tekanan darah untuk menurunkan tekanan ginjal, biasanya dengan menggunakan ubat-ubatan tertentu iaitu ACE Inhibitors (ubat penghalang pembentukan angiotension) atau Angiotension receptor blocker (ubat penghalang Angiotension ke reseptor).

Jenis ubat diuretics akan membantu menghapuskan airdan garam yang berlebihan.

Sekatan pemakanan yang mengandungi garam.

Apakah keadaan jangka panjang bagi pesakit glomerulonephritis?

Ia bergantung kepada jenis glomerulonephritis, tahap penyakit semasa didiagnosis dan keadaan pesakit. Jika pesakit didiagnos lebih awal, maka peluang untuk mengawal penyakit ini sangat mencukupi. Bagi tahap yang berlanjutan, di mana keradangan dan kerosakan telah merebak dan tidak dapat di perbaiki, pesakit dinasihatkan untuk bersedia menjalani terapi pengantian ginjal dalam jangka panjang.

Bagi glomerulonephritis kronik tahap sederhana, pesakit biasanya asymptomatic iaitu tanpa menunjukkan sebarang gejala tetapi mengalami sedikit kerosakan ginjal bersama atau tanpa hipertensi, dan kecacatan pada saluran kencing seperti wujudnya darah atau protin didalam air kencing. Para pesakit ini umumnya mempunyai peluang pemulihan dan hanya perlu dipantau satu atau dua kali setahun. Pemantauan dan pemeriksaan susulan secara kerap penting dijalankan kerana glomerulonephritis boleh tercusus secara tiba-tiba dan menjadi bertambah serius hingga memerlukan rawatan.

Sebaik sahaja ubat immunosuppression dimulakan, pesakit perlu kerap berjumpa doktor untuk memantau tahap kebocoran protin atau darah di dalam air kencing, keadaan fungsi ginjal serta rawatan komplikasi. Keseluruhan proses boleh mengambil masa yang panjang tetapi matlamatnya ialah untuk mencegah kegagalan ginjal.